

# 1981 TAHUN DR. MAHATHIR?

SINAR 1982 yang menjelma pagi Jumaat lalu sebenarnya membawa cahaya baru terhadap seluruh rakyat Malaysia, istimewa terhadap bangsa Melayu. Tidak syak lagi tahun 1981 yang kita tinggalkan beberapa hari lalu merupakan hari-hari kepunyaan Datuk Sri Dr. Mahathir, Perdana Menteri kita yang keempat.

Baru enam bulan menaiki takhta, Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir telah melakukan berbagai pembaharuan terhadap negara ini. Semua pembaharuan yang dilakukannya itu sekaligus berjaya dan mendapat sambutan rakyat.

Jadi kita rasa orang yang paling gembira menyambut tahun baru kali ini tidak lain dari Datuk Sri Dr. Mahathir sendiri. Beliau tetap mengkotakan apa yang ia kata, malah apa yang ia hajatkan semuanya berhasil. Dulu semasa kempen mencari Timbalan Presiden UMNO sedang rancak berjalan, Datuk Sri Dr. Mahathir secara tidak langsung seolah-olah menyeru para perwakilan memilih Datuk Musa sebagai orang kanannya.

Walaupun ucapan-ucapan Datuk Sri Dr. Mahathir itu tidak ditunjukkan dengan tepat, tetapi ramai orang tahu Datuk Sri Dr. Mahathir lebih suka Datuk Musa menang. Datuk Sri Dr. Mahathir pernah berkata tidak semestinya orang yang berjaya merebut jawatan Timbalan Presiden

UMNO sekaligus boleh naik jadi Timbalan Perdana Menteri.

Ucapan ini semata-mata untuk meredakan kempen Tengku Razaleigh yang begitu ghairah untuk mendapatkan jawatan itu. Dengan mengeluarkan kenyataan demikian Datuk Sri Dr. Mahathir boleh memilih Datuk Musa sekalipun. Tengku Razaleigh menang dalam persaingan ini. Bila hal ini berlaku orang ramai tidak boleh berkata apa-apa lagi.

Bila Datuk Musa menang dalam persaingan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir terus melantik Datuk Musa, alasannya kerana Datuk Musa menang dengan majoriti cemerlang.

Sebelum itupun semasa memangku jawatan Perdana Menteri ketika Tun Hussein berubut di London Datuk Sri Dr. Mahathir sempat menyelamatkan rakannya dari dalam tahanan. Masa itu semua orang tahu Tun Hussein susah hendak menyeretkan masalah Dato' Harun ke dalam pentadbirannya.

Tun Hussein bukannya tak suka pada Dato' Harun, tapi sebagai Perdana Menteri ia terpaksa patuh

dengan amanat perdana menteri dahulu. Lagipun Tun Hussein tidak gemar menyentuh urusan undang-undang dan kehakiman. Tentang masalah Dato' Harun biarlah undang-undang saja memutuskannya. Inilah pendirian Tun Hussein.

Tapi Datuk Sri Dr. Mahathir berjaya juga

mengeluarkan sahabatnya ini, sekalipun melalui beberapa proses yang memakan masa panjang.

Dulu masa Datuk Sri Dr. Mahathir dipecat dari UMNO, Dato' Harunlah yang berusaha membawa balik beliau ke dalam UMNO, jadi tentulah budi Dato' Harun mesti di balas.

Apa yang jelas pada kemahuan Perdana Menteri kita ini ialah semangat bekerja, sikap tekun, amanah dan jujur. Sebagai anggota masyarakat beliau masak benar dengan cerita curi tulang pekerja-pekerja di pejabat. Entahkan Datuk Sri Dr. Mahathir sendiri pernah mengalami hal ini. Macam manapun Datuk Sri Dr. Mahathir tahu ramai pekerja-pekerja pejabat main lepas tangan. Masuk pejabat lambat kemudian belah pulang lebih awal.

Sebab itulah beliau tidak teragak-agak mengenakan sistem punch-card kepada semua kakitangan kerajaan. Penggunaan ini juga turut dikenakan kepada semua pegawai-pegawai atasan dan para menterinya sendiri. Datuk Sri Dr. Mahathir sendiri menggunakan kad perakam waktu ketika bertugas.

Sekarang ini siapa lagi berani membantah mengenai sistem ini.

Untuk melaksanakan kerajaan bersih dan cekap beliau mahukan semua anggota kabinetnya menyatakan laporan harta kepadanya. Semua menteri, timbalan dan setiausaha Parlimen tidak dibenarkan menjalankan perniagaan semasa bertugas. Beliau dengan keras memberi amaran supaya berhenti sahaja dari kerajaan jika

ingin berniaga.

Kepada semua anggota exco-exco negeri juga perintah juga sama turut dikenakan. Beliau mahu semua anggota-exco berada dalam pejabat masing-masing menjalankan tugas. Anggota-anggota exco itu juga kena gunakan punch-kad waktu bertugas.

Dari cerita yang kita dengar, ada dua orang ahli exco di Johor yang berniaga secara senyap-senyap tetapi bila tangan kanan Datuk Sri Dr. Mahathir ke Johor mereka berdua terus diberi katadua.

Semua langkah-langkah ini dilakukan semata-mata untuk membawa perubahan sikap terhadap rakyat Malaysia, khasnya bangsa Melayu. Biar sepuluh kali rancangan Malaysia dilancarkan pun bangsa Melayu tak akan makmur selagi mereka masih mengamalkan sikap lama — sikap berangan-angan, malas berusaha dan suka berbual-bual kosong.

Sempena menyambut 100 hari menjadi Perdana Menteri dulu, Datuk Sri Dr. Mahathir dengan tegas menyeru seluruh rakyat jelata bekerja dengan tekun. Semasa ucapan sempena tahun baru yang lalu pun beliau sekali lagi mengulangi seruan itu agar rakyat bekerja keras untuk menjamin hidup yang gemilang.

Sebelum tirai tahun 1981 ditutup Datuk Sri Dr. Mahathir sempat membawa satu lagi pembaharuan; ia itu menyeragamkan penggunaan waktu antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Waktu mula-mula Datuk Musa mengumumkan hal ini di Sabah dulu ramai orang berpedapat langkah ini karut.

Tetapi bila hal ini sudah dilaksanakan sekarang tidak ada yang bangun menentang.

Langkah mense-

galkan penggunaan waktu ini ada terse-  
lindung banyak hik-  
mat dan tujuan, anta-  
ranya supaya masa  
siang di Semenanjung  
dapat diperpanjang-  
kan. Dengan ini rak-  
yat Semenanjung bo-  
leh menyahut seruan  
Perdana Menteri su-  
paya bekerja keras un-  
tuk menjamin hidup.

Sekarang ini kita  
terpaksa bangun le-  
bih awal, sebab waktu  
bekerja dipercepatkan  
lagi setengah jam.

Pendeknya tidak  
ada istilah mustahil  
dalam kamus hidup  
Perdana Menteri ki-  
ta yang baru ini. Apa  
saja yang dirancang  
tetap dilaksanakan.  
Sehingga ini semu-  
a yang pernah di  
ucapkan oleh Datuk  
Sri Dr. Mahathir ham-  
pir semuanya disemp-  
urnakan, kalau terci-  
cirpun cuma dua sa-  
haja. Pertama kursus  
terhadap para menteri  
dan kedua menurunkan  
gaji para anggota  
kabinetnya.

Kursus terhadap  
para menteri memang  
sudah siap diatur, te-  
tapi cadangan hendak  
memotong gaji anggo-  
ta kabinet nampaknya  
masih dalam peringkat  
tinjauan lagi. Boleh  
jadi kenyataan Perda-  
na Menteri mengenai  
hal ini cuma untuk  
menguji hati rakyat  
sahaja, siapalah yang  
tahu.

Sejak Datuk Sri  
Dr. Mahathir dan Da-  
tuk Musa mengambil  
alih tampuk pemerin-  
tahan hampir semua  
pergolakan politik,  
khususnya UMNO  
dapat dipulihkan.  
Keadaan runcing yang  
berlaku di Pahang ki-  
ni hampir reda sekali-  
pun terpaksa mengor-  
bankan kedudukannya  
Haji Rahim Bakar se-  
bagai Menteri Besar.

Spekulasi hangat di  
Perlis juga tidak lagi  
garang seperti dulu  
dan di Perak Datuk  
Sri Haji Wan Moha-  
mad Haji Wan Teh se-  
lamat mengambil alih  
tugas sebagai Ketua  
Perhubungan UMNO  
Negeri, di Melaka juga  
tenang, yang masih

menjadi masalah cuma  
barangkali di Sabah.

Kita percaya pen-  
tadbiran 2M Mahathir  
Musa akan mengalam-  
perubahan lebih besa-  
lagi selepas Pilihan  
ya Kebangsaan yang  
dijangka diadakan pa-  
da awal tahun ini. Sa-  
ma-samalah kita tung-  
gu perubahan itu.